

٣٠٨ - حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُقَيْلٍ عَنِ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ فَمِنَّا مَنْ أَهَلَ بِعُمْرَةٍ وَمِنَّا مَنْ أَهَلَ بِحَجٍّ فَقَدِمْنَا مَكَّةَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَحْرَمَ بِعُمْرَةٍ وَلَمْ يَهْدِ فَلْيُحْلِلْ وَمَنْ أَحْرَمَ بِعُمْرَةٍ وَأَهْدَى فَلَا يُحِلُّ حَتَّى يُجِلَّ بِنَحْرِ هَدْيِهِ وَمَنْ أَهَلَ بِحَجٍّ فَلْيَتِمَّ حَجَّهُ قَالَتْ فَحَضْتُ فَلَمْ أَزَلْ حَائِضًا حَتَّى كَانَ يَوْمَ عَرَفَةَ وَلَمْ أَهْلِلْ إِلَّا بِعُمْرَةٍ فَأَمَرَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَنْقُضَ رَأْسِي وَأُمْتَشِطَ وَأَهْلَلَ بِحَجٍّ وَأَتْرَكَ الْعُمْرَةَ فَفَعَلْتُ ذَلِكَ حَتَّى قَضَيْتُ حَجِّي فَبَعَثَ مَعِيَ عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ الصَّدِيقَ وَأَمَرَنِي أَنْ أَعْتَمِرَ مَكَانَ عُمْرَتِي مِنَ التَّنْعِيمِ

308 - Yahya bin Bukair meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada 'Uqail daripada Ibni Syihab daripada 'Urwah daripada 'Aaisyah r.a, katanya: "Kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. dalam haji wada'. Ada di antara kami yang berihlal 'umrah dan ada yang berihlal haji. Bila Kami sampai di Makkah, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang berihram 'umrah dan dia tidak membawa hadyu (binatang sembelihan untuk korban), maka hendaklah dia membuka ihramnya. Sesiapa yang berihram 'umrah dan dia membawa hadyu, dia tidak boleh membuka ihramnya sehinggalah dia selesai menyembelih binatang korban yang dibawanya. Dan sesiapa yang berihlal haji, dia hendaklah menyempurnakan hajinya". 'Aaisyah r.a. berkata: "Aku telah kedatangan haidh dan terus berhaidh hingga hampir tiba hari Arafah. Aku tidak berihlal sebelum itu melainkan untuk mengerjakan 'umrah. Tetapi Nabi s.a.w. menyuruh aku melepaskan rambut, menyikatnya dan (seterusnya) berihlal haji serta meninggalkan umrah. Maka aku melakukan apa yang disuruh beliau itu sehingga apabila aku telah selesai mengerjakan haji, Baginda s.a.w. pun menghantar bersamaku Abdur Rahman bin Abi Bakar Ash-Shiddiq. Beliau s.a.w. menyuruh aku melakukan 'umrah dari Tan'im sebagai ganti 'umrahku (yang sebelumnya)."

١٩ - بَابُ إِقْبَالِ الْمَحِيضِ وَإِدْبَارِهِ وَكُنْ نِسَاءً يَبْعُنَ إِلَى عَائِشَةَ بِالْدَّرَجَةِ فِيهَا الْكُرْسِيُّ فِيهِ الصُّفْرَةُ فَتَقُولُ لَا تُعْجَلْنَ حَتَّى تَرَيْنَ الْقَصَّةَ الْبَيْضَاءَ تُرِيدُ بِذَلِكَ الطُّهْرَ مِنَ الْحَيْضَةِ وَبَلَغَتْ نِتَ الصُّفْرَةَ فَتَقُولُ لَا تُعْجَلْنَ حَتَّى تَرَيْنَ الْقَصَّةَ الْبَيْضَاءَ تُرِيدُ بِذَلِكَ الطُّهْرَ مِنَ الْحَيْضَةِ وَبَلَغَتْ نِتَ

tidak ada bezanya dengan ihlal orang-orang lain dari kalangan lelaki atau perempuan-perempuan yang tidak berhaidh.

زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ أَنَّ نِسَاءً يَدْعُونَ بِالصَّابِغِ مِنْ جَوْفِ اللَّيْلِ يَنْظُرْنَ إِلَى الطَّهْرِ فَقَالَتْ مَا كَانَ
النِّسَاءُ يَصْنَعْنَ هَذَا وَعَابَتْ عَلَيْهِنَّ

19- Bab: Datang Dan Perginya Haidh.²⁷⁷ Orang-orang perempuan menghantar satu bekas kecil mengandungi kapas kepada `Aaisyah r.a. . Pada kapas itu terdapat warna kuning (tujuan mereka ialah bertanya beliau tentang haidh). `Aaisyah r.a. menjawab: “Janganlah kamu terburu-buru, sehinggalah kamu nampak cecair putih”. Maksud beliau ialah sehingga kamu sampai kepada tempoh suci daripada haidh. Anak perempuan Zaid bin Tsabit²⁷⁸ mendapat tahu bahawa ada segolongan wanita (di zamannya) meminta lampu pada waktu malam untuk melihat sama ada mereka telah suci atau belum. Beliau berkata: “Orang-orang perempuan dahulu (shahabiyyat) tidak melakukan semua ini”. Beliau mencela mereka (kerana melakukan perbuatan yang menyusahkan itu).

²⁷⁷ Di sini boleh juga diterjemahkan dengan: Bab: Bermula Dan Berakhirnya Haidh. Setelah meneliti syarah-syarah Sahih Bukhari, secara umumnya dapat disimpulkan bahawa Bukhari r.a. mengadakan bab ini untuk menyatakan empat perkara. Pertama: Untuk menyatakan berbezanya hukum perempuan pada ketika berhaidh dan pada ketika suci daripada haidh. Pada ketika berhaidh mereka haram bersembahyang, berpuasa dan lain-lain. Pada ketika suci daripada haidh pula mereka wajib mengerjakan kedua-dua yang tersebut itu dan seterusnya. Itulah sebabnya kenapa mereka perlu mengambil tahu tentang datang dan perginya atau bermula dan berakhirnya haidh pada diri mereka. Terutamanya kepada perempuan-perempuan yang beristihadhah. Kedua: Untuk menyatakan tanda atau pedoman yang boleh dipegangi oleh orang-orang perempuan dalam menentukan kedatangan dan kepergian haidh. Ada `ulama' menerima 'tamyiz' sebagai tanda dan pedoman yang seharusnya dipakai. Ada juga `ulama' menganggap 'adat' sebagai tanda dan pedomannya. Ketiga: Mengisyratkan kepada khilaf di kalangan `ulama' berhubung dengan penentu kepada darah haidh dan darah istihadhah untuk mustahadhah yang berhaidh. Adakah warna yang menentukan darah haidh dan darah istihadhah atau 'adat dan kebiasaan seseorang perempuan? Kebanyakan muhadditsin memilih warna sebagai penentunya. Imam Malik juga memilihnya sebagai penentu. Tetapi bagi Imam Bukhari r.a., Abu Hanifah dan orang-orang yang sependapat dengan mereka berdua, yang menentukan darah haidh atau darah istihadhah ialah 'adat dan kebiasaan seseorang perempuan bukan warna darah. Imam syafi'e, Ahmad dan sekumpulan `ulama' yang lain pula memilih jalan tengah atau jalan jama' di mana mereka menerima kedua-dua cara tersebut jika kedua-duanya berbetulan, tetapi dalam keadaan warna dan 'adat berlainan dan tidak berbetulan, mereka berselisih pendapat sekali lagi. Syafi'e memihak kepada malik dan kebanyakan muhadditsin, Ahmad pula bersama Abu Hanifah dan Bukhari r.a. Keempat: Menyatakan bahawa istilah 'iqbal' dan 'idbar' yang pada umumnya diterima muhadditsin sebagai dalil untuk 'tamyiz' itu sebenarnya masih lagi samar dan tidak jelas. Dengan mengemukakan atsar `Aaisyah r.a. dan atsar anak perempuan Zaid bin Tsabit di dalam tajuk bab ini Imam Bukhari r.a. seolah-olahnya mahu menafikan istilah itu untuk 'taamyiz' malah ia adalah lebih tepat untuk 'adat dan kebiasaan seseorang perempuan.

²⁷⁸ Menurut Hafiz Ibnu Hajar nama anak perempuan Zaid bin Tsabit ini ialah Ummu Kultsum. Dia adalah isteri kepada Salim bin `Abdillah bin `Umar.

٣٠٩ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ أَبِي حُبَيْشٍ كَانَتْ تُسْتَحَاضُ فَسَأَلَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ ذَلِكَ عِرْقٌ وَلَيْسَتْ بِالْحَيْضَةِ فَإِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَدَعِيَ الصَّلَاةَ وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاعْتَسَلِي وَصَلِّي

309 - Abdullah bin Muhammad meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam daripada ayahnya daripada `Aaisyah r.a. bahawa Fatimah binti Abi Hubaisy beristihadhah. Kerana itu dia bertanya kepada Nabi s.a.w. Maka Baginda s.a.w. bersabda: “Darah itu keluar disebabkan adanya gangguan pada mana-mana urat, ia bukan darah haidh. Apabila datang haidh (waktu dan masanya yang sedia dima`lumi), tinggalkanlah sembahyang dan apabila ia pergi (berlaluanya waktu itu), mandilah dan bersembahyanglah.”

٢٠ - بَابُ لَا تُقْضِي الْحَائِضُ الصَّلَاةَ وَقَالَ جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ وَأَبُو سَعِيدٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَدْعُ الصَّلَاةَ

20 - Bab: Perempuan Yang Datang Haidh Tidak Boleh Mengqadha' Shalat.²⁷⁹ Jabir Bin Abdullah Dan Abu Sa'id Meriwayatkan Daripada Nabi s.a.w. (Bahawa Baginda Bersabda): “Perempuan Yg Sedang Berhaidh Perlu Meninggalkan Shalat”.²⁸⁰

٣١٠ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ قَالَ حَدَّثَنِي مُعَاذَةُ أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ لِعَائِشَةَ أَتَجْزِي إِحْدَانَا صَلَاتَهَا إِذَا طَهَرَتْ فَقَالَتْ أَحَرُورِيَّةُ أَنْتِ كُنَّا نَحِيضُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَا يَأْمُرُنَا بِهِ أَوْ قَالَتْ فَلَا تَفْعَلُ

²⁷⁹ Bab ini diadakan oleh Bukhari r.a. untuk membuktikan salah satu perkara yang telah diijma'kan oleh semua golongan Islam kecuali Khawarij. Kerana mereka berpendapat seseorang perempuan yang berhaidh memang tidak boleh bersembahyang tetapi setelah suci ia diwajibkan mengqadha' sembahyang yang ditinggalkan semasa berhaidh. Bagaimanapun khilaf mereka adalah tidak mu'tabar dan tidak patut diendahkan. Untuk mendapat penjelasan tentang perbezaan di antara qadha' sembahyang dan puasa bagi perempuan-perempuan berhaidh, lihat kembali nota 20 yang lalu.

²⁸⁰ Kedua-dua ta'liq ini telah diwashalkan oleh Bukhari r.a. sendiri di tempat yang lain. Riwayat Jabir dikemukakan di dalam Kitab al-Ahkam. Riwayat Abi sa'id pula telah dikemukakan beliau di dalam Bab: 6 yang lalu iaitu Bab: Perempuan Yang Berhaidh Tidak Boleh Berpuasa.

310 - Musa bin Ismail meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaam meriwayatkan kepada kami, katanya: Qatadah meriwayatkan kepada kami, katanya: Mu'adzah meriwayatkan kepada saya bahawa pernah seorang perempuan bertanya kepada 'Aaisyah r.a. : “Adakah wanita yang berhaidh perlu mengqadha' shalatnya apabila ia suci?” Jawab 'Aaisyah r.a. : “Adakah engkau ini Haruriyyah? (satu kumpulan orang Khawarij). Kami selalu berhaidh semasa hayat Nabi s.a.w., namun tidak pernah beliau menyuruh kami mengqadha'nya”. Atau jawab 'Aaisyah r.a. : “Tetapi kami tidak melakukannya (mengqadha' shalat).”

٢١ - باب التَّوَمُّ مَعَ الْحَائِضِ وَهِيَ فِي ثِيَابِهَا

21 - Bab: Tidur Bersama Wanita (Isteri) Berhaidh Yang Memakai Pakaian Khususnya Untuk Haidh.²⁸¹

٣١١ - حَدَّثَنَا سَعْدُ بْنُ حَفْصٍ قَالَ حَدَّثَنَا شَيْبَانُ عَنْ يَحْيَى عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ زَيْنَبَ بِنْتِ أَبِي سَلَمَةَ حَدَّثَتْهُ أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ قَالَتْ حِضَّتُ وَأَنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخِمِيلَةِ فَأَنْسَلْتُ فَخَرَجْتُ مِنْهَا فَأَخَذْتُ ثِيَابَ حِيضَتِي فَلَبِسْتُهَا فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْفَسْتُ قُلْتُ نَعَمْ فَدَعَانِي فَأَدْخَلَنِي مَعَهُ فِي الْخِمِيلَةِ قَالَتْ وَحَدَّثَنِي أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُقْبِلُهَا وَهُوَ صَائِمٌ وَكُنْتُ أُغْتَسِلُ أَنَا وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ إِنَاءٍ وَاحِدٍ مِنَ الْجَنَابَةِ

311 - Sa'ad bin Hafs meriwayatkan kepada kami, katanya: Syaiban meriwayatkan kepada kami, daripada Yahya daripada Abi Salamah daripada Zainab binti Abi Salamah, dia menceritakan kepadanya bahawa Ummu Salamah berkata: “Aku telah kedatangan haidh sewaktu bersama-sama Nabi s.a.w. dalam satu selimut, kerananya aku menyelinap keluar dari selimut itu lalu mengambil pakaian (yang selalu dipakai ketika) haidhku dan memakainya. Nabi s.a.w. bertanya: “Adakah engkau telah

²⁸¹ Bab ini diadakan oleh Bukhari r.a. untuk tiga tujuan. Pertama: Menyatakan keharusan tidur dengan perempuan (isteri) yang berhaidh dalam pakaian khususnya. Kedua: Menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul akibat adanya hadits seperti yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan lain-lain bahawa 'Aaisyah r.a. menceritakan, katanya: “Kami tidak menghampiri Rasulullah s.a.w. dan tidak mendekati beliau sampai kami suci.” Bagi Bukhari r.a. hadits-hadits seperti ini perlu dita'wil atau ditinggalkan kerana bercanggah dengan hadits-hadits lain yang lebih sahih. Ada juga 'ulama' mengatakan bahawa hadits ini sudah dimansukh. Ketiga: Menolak pendapat syaz sesetengah 'ulama' salaf seperti Ibnu 'Abbaas, 'Abidah as-Salmi dan lain-lain, bahawa seseorang langsung tidak boleh bersentuhan dengan isterinya yang berhaidh.

bernifas (berhaidh)?" Aku menjawab: "Ya". Maka Baginda s.a.w. mengajak aku dan menyelimuntukan daku bersamanya di dalam selimut yang sama."

Kata perawi (Zainab binti Abi Salamah): "Ummu Salamah menceritakan kepadaku bahawa Nabi s.a.w. sering kali menciumnya sewaktu beliau (Nabi s.a.w) berpuasa dan aku sendiri selalu mandi janabah bersama Nabi s.a.w. dengan mencedok air dari bekas yang sama."

٢٢- باب من اتخذ ثياب الحيض سوى ثياب الطهر

22 - Bab: Orang Yang Menyimpan (Menyediakan) Pakaian (Khusus Untuk Dipakai Pada Masa) Haidh Selain Pakaian Untuk Dipakai Pada Ketika Suci.²⁸²

٣١٢- حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ فَضَالَةَ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامٌ عَنْ يَحْيَى عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ زَيْنَبَ بِنْتِ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ بَيْنَا أَنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُضْطَجِعَةً فِي خِمِيلَةٍ حِضْتُ فَأَسَلْتُ فَأَخَذْتُ ثِيَابَ حِيضَتِي فَقَالَ أَنْفَسْتُ فَقُلْتُ نَعَمْ فَدَعَانِي فَاضْطَجَعْتُ مَعَهُ فِي الْخِمِيلَةِ

312 - Mu'adz bin Fadhalah meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam meriwayatkan kepada kami daripada Yahya daripada Abi Salamah daripada Zainab binti Abi Salamah daripada Ummi Salamah, katanya: "Ketika aku sedang berbaring bersama-sama Nabi s.a.w. dalam satu selimut, tiba-tiba aku kedatangan haidh. Aku menyelinap keluar (dari selimut itu) dan terus (pergi) mengambil pakaian haidhku lalu memakainya. Nabi s.a.w. bertanya: "Adakah engkau telah bernifas (berhaidh)?" Aku menjawab: "Ya". Tetapi Baginda s.a.w. (tetap) mengajakku, maka tidurlah aku bersamanya di dalam selimut yang sama."

²⁸² Imam Bukhari r.a. mengadakan bab ini untuk menerangkan beberapa maksud. Pertama: Beliau mahu menjelaskan bahawa seseorang boleh memiliki beberapa helai pakaian untuk tujuan yang berlainan. Ia tidak termasuk dalam bab israf (sifat boros) yang dilarang oleh agama. Kedua: Hadits di bawah bab ini yang menunjukkan Ummi Salamah mempunyai pakaian yang khusus untuk dipakai semasa haidh, tidak bercanggah dengan hadits 'Aaisyah r.a. yang menunjukkan para isteri Nabi s.a.w. hanya mempunyai sehelai pakaian sahaja. Kerana kedua-duanya menceritakan zaman yang berbeza iaitu zaman susah dan zaman senang.